

17/09/2003

RTM angkat martabat puisi

Khairull Azleyana Ishak

USAHA mengangkat martabat puisi dan penyair ke tahap lebih tinggi dengan persembahan penuh muzikal dan kesenian menerusi Deklamasi Angkasapuri 2003 wajar diberi pujian kerana ia berjaya mendekatkan masyarakat dengan dunia puisi.

Acara itu yang disiarkan secara langsung menerusi Saluran 1 RTM bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia terhadap sumbangan kreatif penyair dan penulis tempatan terutama dalam mengenang jasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi program itu, penonton dibawa untuk lebih menyelami dan memahami puisi serta mentafsir apa yang tersirat dan tersurat dalam bait puisi yang dideklamasikan.

Justeru, acara deklamasi perdana seperti itu wajar dijadikan program mingguan kerana kegiatan seni itu dapat dihayati dengan lebih jelas dan teratur. Ini kerana puisi bukan sekadar luahan perasaan dan pengamatan penulis terhadap apa yang berlaku di persekitaran dan dalam jiwanya.

Pilihan lagu juga cukup teliti kerana ia mencakupi lagu berunsur motivasi dan patriotik disamping turut menampilkan 11 artis, 10 pendeklamasi puisi dan 10 pengkarya. Barisan artis yang terbabit ialah Elly Mazlein, Yusni Hamid, kumpulan Shades, Roy, Kaza, Elda Susanti dan Dikir Sri Suria.

Deklamasi Angkasapuri 2003 terbitan Jack Nadarajah ini turut menjemput pendeklamasi sajak terkemuka seperti Khir Rahman, Harlym Yeo, Arbak Othman, Lim Swee Tin, Datuk Johan Jaafar, Erma Fatima dan Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said. Mereka menyampaikan puisi karya Ya Daud, Othman Zainudin, Sanisudin, Dr Ibrahim Ghaffar, Sasterawan Negara, Datuk Dr Usman Awang dan Ibrahim Bachek.

Erma Fatima yang muncul dengan sajak Surat Winnie Kepada Mandela mengundang sebak penonton kerana sajak itu bukan saja dideklamasikan dengan penuh penghayatan dan emosi malah kisah kasih sayang yang tersurat dalam sajak itu begitu memberikan kesan yang mendalam.

Sajak itu juga seolah-olah menggambarkan kesetiaan Dr Siti Hasmah menemani Dr Mahathir, tidak kira senang atau susah ketika sedih mahupun gembira. Seperti kebiasaan pada majlis deklamasi puisi, kemunculan Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said (Pak Samad) sentiasa dinanti. Pak Samad mengajak penonton menyelami perjuangan Dr Mahathir. Kecekalan, kebijaksanaan, pandangan dan pemikirannya membuatkan hadirin akan terasa kehilangannya Oktober nanti.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin, yang ditemui selepas majlis itu berkata program itu diadakan bagi merakamkan penghargaan jasa dan pengorbanan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah sepanjang menjadi ketua negara.